



## **MAJLIS PERBANDARAN SÉBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SÉBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN HACKFEST MPSP 2018**

### OLEH

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH**

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI P. PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR DAN  
DESA

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**13 JULAI 2018 (JUMAAT)**

**8.00 MALAM**

**MENARA MPSP  
BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar

**Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq**

Ahli Dewan Undang Negeri Bertam

**Yang Berhormat Mustafa Kamal Bin Ahmad**

Ahli Dewan Undang Negeri Telok Ayer Tawar

**Yang Berhormat Lee Khai Loon**

Ahli Dewan Undang Negeri Machang Bubuk

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Para Peserta Hackfest**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada malam ini dalam Majlis Perasmian Program Hackfest MPSP 2018 di Lobi Menara MPSP.

Saya selaku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa; Yang Berhormat Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, para peserta Program *Hackfest* MPSP 2018 dan semua hadirin dan hadirat kerana sudi meluangkan masa menghadiri program anjuran MPSP ini, walaupun pada waktu malam hari.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada penaja-penaja Program *Hackfest* MPSP 2018 yang telah memberi pelbagai

sumbangan berbentuk wang tunai, Kemeja-T, makanan dan minuman, “*photobooth*”, baucar dan “*gaming headset*”. Mereka adalah:-

1. Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang
2. Telestructure Sdn. Bhd
3. Mesiniaga
4. EVOLUTE IT Services
5. Syarikat Strategic Alliance
6. GCC Links (M) Sdn. Bhd.
7. Westech Multimedia
8. Sejati Solutions
9. Plamera Technology Sdn. Bhd.
10. Wisecore Technology Sdn Bhd.
11. Agro Bank
12. Vistaria Venture
13. Telekom Malaysia (TM)
14. Asrul Azwan Enterprise
15. Canon
16. Fraser & Neave Holdingss Bhd. (F & N)
17. Go Live Enterprise
18. Algominda
19. OneBitz Technology

## **Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

*Hackfest* adalah *problem solving* diluar kotak pemikiran biasa (“*Think Out Of Box*”). Pemilihan tema *Hackfest* adalah “*Cyber Counter*” yang merupakan *problem statement* untuk memudahkan lagi urusan komuniti Seberang Perai dengan MPSP dalam usaha meningkatkan perkhidmatan barisan hadapan MPSP, iaitu di bahagian kaunter. Pendekatan ini adalah bukti keterbukaan MPSP melalui prinsip bandaraya inklusif. Terdapat pelbagai urusan orang awam dengan MPSP terutama di kaunter berpusat yang adakalanya mengundang kesesakkan dan kelewatan kepada orang awam dalam menjalankan tugas-tugas lain. Oleh itu, *Cyber Counter* ini dapat membantu secara atas talian yang mana memudahkan urusan dilaksanakan tanpa perlu hadir sendiri ke kaunter berpusat MPSP. Ianya cepat, pantas dan boleh diselesaikan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa oleh sesiapa sahaja.

Program *Hackfest* MPSP 2018 merupakan program yang julung kalinya dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Program ini berupaya meningkatkan kerjasama pelbagai pihak dalam mencorak hala tuju MPSP ke arah perkhidmatan yang lebih baik, efisien dan berteraskan teknologi baharu serta menjurus kepada perkhidmatan yang memudahkan masyarakat terutama penduduk Seberang Perai untuk berurusan dengan MPSP.

Program ini merupakan salah satu program dalam Keutamaan Strategik (*Strategic Priority*) SP05 iaitu Penerapan Teknologi Baru. Ianya melibatkan *engagement* di antara *stakeholders* dan MPSP dengan menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui 7P (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dalam hal ini, MPSP telah dan sedang berkerjasama dengan stakeholders, khususnya golongan remaja untuk menggilap bakat, kreativiti, kerja berpasukan serta mewujudkan ikatan jaringan pintar dalam mewujudkan perisian yang boleh digunakan sebagai penyelesaian ke atas masalah yang timbul dalam perkhidmatan yang diberikan di kaunter dengan mudah, pantas dan pintar.

*Hackfest* merupakan satu perhimpunan yang mengumpulkan pembangun sistem / perisian, pereka grafik, syarikat dan pencetus idea serta pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan model penyelesaian untuk berkolaborasi dalam membina idea dan mencari penyelesaian. Cadangan penyelesaian yang akan diperolehi termasuk cadangan perkakasan dan pembangunan perisian, konsep serta aplikasi mobile.

*Hackfest* yang juga dikenali sebagai *hackathon* atau *hack day* adalah merupakan *world wide event* yang bukan asing lagi dan sering diadakan di serata dunia. Berdasarkan penganjuran hackathon secara global pada tahun 2016, sebanyak 3,450 program hackathon telah dianjurkan di lebih daripada 100 buah negara dengan penyertaan sebanyak 200,000 orang. Lebih daripada 13,000 prototaip telah direka cipta di seluruh dunia dan menjadi pemudahcara hubungan di antara kumpulan teknikal dan bukan teknikal. Secara amnya, program-program hackathon yang diadakan ini disertai oleh golongan yang berumur antara 18 hingga 34 tahun.

Penglibatan *philosopher* dan *philanthropy* sebagai peserta *Hackfest* merupakan sinergi kepada inisiatif bandar pintar dan aspek dalam *inclusiveness*. Ini adalah satu usaha MPSP untuk mendapatkan pandangan serta penglibatan daripada golongan remaja yang merupakan generasi pelapis yang berperanan dalam meneruskan perjuangan serta mencorak lanskap masa depan Negara.

Program *Hackfest* MPSP 2018 ini terbuka kepada semua warga Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas secara berkumpulan dengan setiap kumpulan di antara tiga (3) hingga lima (5) orang ahli.

Program ini diadakan bermula pada hari ini, 13 Julai sehingga 14 Julai 2018, bersempena Hari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang akan disambut pada 28 Julai ini.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Tujuan penganjuran *Hackfest* MPSP 2018 adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta daripada golongan muda berkenaan perkhidmatan MPSP serta mencungkil idea di dalam pembangunan sistem berkomputer berteraskan inovasi. Fokus utama program ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan atas talian (*on-line*) lebih interaktif supaya dapat menggalakan pembayaran dibuat secara atas talian sepenuhnya dari rumah atau pejabat.

Di antara permasalahan yang perlukan penyelesaian adalah:-

- i. Permohonan permit sepanduk / kain rentang;
- ii. Permohonan lesen anjing;
- iii. Permohonan Pelan Bangunan;
- iv. Permohonan papan iklan; dan
- v. Kaunter Perkhidmatan Pesuruhjaya Bangunan (COB).

Setiap kumpulan yang bertanding, yang terdiri daripada 3 (tiga) hingga lima (5) peserta, dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM30.00. Sehingga kini sebanyak 13 kumpulan (dengan peserta seramai 60 orang) telah mendaftar untuk mengambil bahagian.

Setiap kumpulan akan diminta untuk membangunkan sama ada konsep, idea dan prototaip cadangan dalam masa 24 jam berdasarkan kepada taklimat yang akan diberikan pada hari pertama program *Hackfest* dengan dibantu kakitangan MPSP sebagai mentor semasa sesi pembangunan berkenaan iaitu pada hari kedua. Selepas tempoh 24 jam pembangunan berkenaan tamat, setiap kumpulan perlu mengemukakan hasil untuk semakan dan sesi pembentangan. Saya pasti penerangan yang jelas telah diberikan kepada semua peserta oleh pihak secretariat untuk melancarkan program.

Penilaian akan dibuat oleh pihak juri yang dilantik oleh MPSP berdasarkan:-

User interface / pengalaman	=	15%
Inovasi	=	25%
Impak / Potensi / Sustainability	=	25%
Perkongsian sumber / Kolaborasi	=	25%
Kualiti keseluruhan	=	10%

Program Hackfest MPSP 2018 menawarkan hadiah berupa wang tunai sebanyak:-

- i. RM4,000.00 kepada pemenang pertama;
- ii. RM2,000.00 kepada pemenang kedua; dan
- iii. RM1,000.00 kepada pemenang ketiga

Kepada bakal-bakal pemenang yang akan memenangi pertandingan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Akhir kata, Program Hackfest MPSP 2018 adalah merupakan salah satu perancangan atau komitmen MPSP untuk memacu Seberang Perai ke arah Resilient, Inklusif, Hijau dan Bandaraya Pintar di Pacu Teknologi.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh atas kehadiran beliau yang sentiasa menyokong usaha-usaha MPSP ke arah kebaikan bersama. Terima kasih juga kepada Ahli Majlis MPSP, badan-badan korporat, para peserta serta para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai yang memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP

dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**